



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ENCIK NORMAN BIN ABU BAKAR,
PENGURUS STESEN KERETAPI TANAH MELAYU
STESEN BATU CAVES, SELANGOR.

HANIS BINTI HASHIM

(2019336359)

NUR ASYIQIN BINTI MOHD SAMSI

(2019722749)

SEMESTER MAC-OGOS 2020

ISI KANDUNGAN

	Isi Kandungan	Muka surat
	Abstrak	i.
	Penghargaan	ii.
	Senarai Abreviasi	iii.
	Senarai Singkatan	iv.
	Rujukan Kata	v.-vi.
1.0	Biodata Penemubual	
	1.1 Penemubual Pertama	1
	1.2 Penemubual Kedua	2
2.0	Biodata Tokoh	
	2.1 Biodata Tokoh	3
	2.2 Pengenalan kepada tokoh	4
3.0	Sejarah Lisan	
	3.1 Pengenalan	5-7
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	8
	3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	9-10
4.0	Kajian Literatur	
	4.1 Pengangkutan Awam	11-12
	4.2 Keretapi Tanah Melayu Berhad	13-14
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	15-54
6.0	Log Temubual	55-67
7.0	Ralat	68
8.0	Glosari	69-70
9.0	Indeks	70-72
10.0	Bibliografi	73
11.0	Lampiran	
	11.1 Biografi Tokoh	74
	11.2 Surat Perjanjian	75
	11.3 Senarai Soalan	76-83
	11.4 Diari Penyelidikan	84-88
	11.5 Sijil-Sijil	89-91

ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman seorang tokoh yang telah berkhidmat lama di Keretapi Tanah Melayu Berhad. Ramai dalam kalangan masyarakat sekarang tidak mengambil berat tentang kepentingan pengangkutan awam yang telah disediakan untuk kemudahan mereka. Setiap stesen yang dibina mempunyai sejarah tersendiri yang tidak pernah diungkap atau di ceritakan di mana mana. Oleh itu melalui sejarah lisan ini, kami akan cuba untuk menyingkap kenangan dan sejarah bagi setiap peristiwa yang telah berlaku di stesen terutama di Stesen Batu Caves, Selangor. Wawancara bersama Encik Norman Bin Abu Bakar ini dekenalikan oleh Hanis Binti Hashim dan Nur Asyiqin Binti Mohd Samsi, Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat, Pengurusan Rekod (IM246) semester 5 Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA, Kampus Segamat, Johor Bahru. Transkrip ini disediakan mengikut temubual yang telah dijalankan bersama Encik Norman Bin Abu Bakar mengenai pengalaman hidup sebagai seorang pengurus stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad di Batu Caves, Selangor. Transkrip ini bukan sahaja menyentuh latar belakang tokoh ini bahkan menyingkap dan menceritakan tentang sejarah dan peristiwa yang pernah berlaku sepanjang pengendalian beliau di Keretapi Tanah Melayu Berhad. Kajian sejarah ini bukan sahaja melalui Encik Norman sendiri, malah ianya juga turut diperolehi dari sumber yang berbeza bagi melihat sejauh mana kepentingan dan sumbangan Keretapi Tanah Melayu Berhad di Malaysia. Melalui projek sejarah lisan ini juga, diharap masyarakat luar terutamanya generasi pada masa sekarang akan dapat mengetahui lebih lanjut dan mendalam tentang Keretapi Tanah Melayu Berhad.

Kata Kunci: Norman Bin Abu Bakar, Keretapi Tanah Melayu Berhad, Stesen Batu Caves, Landasan keretapi, Peristiwa stesen.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur kami kehadiran Illahi atas limpah dan kurnianya kami dapat menyelesaikan projek sejarah lisan ini dengan jayanya. Jutaan terima kasih juga ingin kami ucapkan kepada Encik Norman Bin Abu Bakar kerana sudi untuk menjadi responden kami bagi projek sejarah lisan ini.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Puan Siti Noorsiah binti Jamaluddin selaku pensyarah bagi subjek Pendokumentasian Lisan (IMR604) kerana tunjuk ajar dan bimbingan daripada beliau, kami iaitu Hanis Binti Hashim dan Nur Asyiqin Binti Mohd Samsi dapat menghasilkan sebuah transkrip temubual dengan jayanya.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan seperjuangan kami atas sokongan dan pandangan secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang proses pembikinan transkrip ini selesai.

Akhir sekali, ucapan kepada kedua ibubapa kami dan semua ahli keluarga kami atas sokongan dan memahami keadaan yang kami tempuh suka dan duka ketika itu. Diharap agar hasil transkrip ini dapat memberi sedikit sebanyak maklumat yang berguna kepada pembaca dan juga memberi manfaat kepada setiap individu di masa hadapan.

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
KTMB	Keretapi Tanah Melayu Berhad
ETS	Electronic Train Service
KGV	King George V
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
OKU	Orang Kurang Upaya
ASEAN	Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara